

### Lancar, spontan mengacara majlis walaupun buta

KUANTAN - Suaranya lunak dan bicaranya juga lancar. Sukar untuk membezakan lelaki ini dengan insan normal, malah selorohnya seolah-olah dia nampak khalayak di hadapannya.

Fadzlin Hiezrie Abd Rahman, 38, hilang penglihatan sejak kecil namun kekurangan itu tidak menghalang impiannya menjadi seorang pengacara.

Menurutnya, dia mula menjadi pengacara majlis sejak berusia 19 tahun, justeru pengalaman dilalui selama ini memberikan lebih keyakinan dan tidak lagi kekok berhadapan dengan orang ramai.

"Walaupun buta, kecacatan ini tak jadi penghalang saya untuk kejar cita-cita. Ketika mula-mula mengacara majlis, saya gementar namun memberanikan diri dan terus belajar memantapkan diri. Kini saya tak lagi gementar dan semakin yakin," katanya.

Dia ditemui di Majlis Jelajah Pendidikan dan Latihan MAB peringkat negeri, di sini.

Fadzlin Hiezrie berkata, sebelum mengacarakan majlis, dia akan membuat persediaan terlebih dahulu terutama nama orang ke-



Fadzlin Hiezrie (kanan) dibantu seorang rakan bagi mengetahui perjalanan majlis yang diacarakannya.

namaan yang hadir dan menambah sedikit pengetahuan am.

"Saya tidak guna skrip ketika mengacara majlis, cuma saya ikut spontan sahaja, namun nama-nama orang kenamaan saya akan hafal terlebih dahulu.

"Saya tidak mahu keadaan majlis menjadi tersekat-sekat disebabkan keadaan saya jadi persediaan amat penting," katanya.